

**KUMPULAN SABDA  
DULI YANG TERAMAT MULIA  
PADUKA SERI PENGIRAN MUDA MAHKOTA  
PENGIRAN MUDA HAJI AL-MUHTADEE  
BILLAH, MENTERI KANAN  
DI JABATAN PERDANA MENTERI  
TAHUN 2014**



Terbitan:  
Unit Penerbitan Melayu  
Bahagian Penerbitan dan Pameran  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama 2015

Hak Cipta Terpelihara  
Jabatan Penerangan

Penyelaras:  
Hajah Rosidah binti Haji Ismail

Taip set/ Reka letak/ Penyemak:  
Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir

Kompilasi:  
Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir  
Nurul Syakirah binti Zaini

Kulit Luar:  
Muhammad Al Khaliq bin Ali

Dicetak oleh:  
Ezy Printing Services & Trading Co. Sdn. Bhd

ISBN  
978-99917-49-79-2 (Kulit Keras)  
978-99917-49-80-8 (Kulit Lembut)

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Sempena Upacara Sovereign's Parade Pegawai Kadet Pengambilan Ke-10, Sekolah Pegawai Kadet, ABDB, Perkhemahan Sungai Akar pada hari Khamis, 21 Rabiulawal 1435 Hijriah / 2 Januari 2014 Masihi. 1 - 6

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan Sempena Majlis Istiadat Pemasyhuran Tokoh Adat Istiadat Sepanjang Zaman Bersempena Hari Adat Istiadat 2014, di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa pada hari Isnin, 29 Rabiulawal 1435 Hijriah / 31 Mac 2014 Masihi. 7 - 9

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Sempena Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 1435 / 2014 (Malam Pertama), di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa pada hari Selasa Malam Rabu, 9 Jamadilakhir 1435 Hijriah / 8 April 2014 Masihi. 10 -13

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Sempena Seminar Kefahaman Undang-Undang Jenayah Syariah Bagi Belia Tahun 1435 Hijrah / 2014 Masihi di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa pada hari Rabu, 16 Jamadilakhir 1435 Hijriah / 16 April 2014 Masihi.

14 - 17

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Sempena Majlis Pelancaran Kempen Kebangsaan Membanteras Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit 2014 di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan pada hari Selasa, 13 Zulkaedah 1435 Hijriah / 9 September 2014 Masihi.

18 - 22

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Sempena Majlis Haflut Takharruj Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah Kali Kedua di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa pada hari Rabu, 20 Muharram 1436 Hijriah / 13 November 2014 Masihi.

23 - 26

## Sabda

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota  
Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah  
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,  
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan  
Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB)  
Sempena Upacara Sovereign's Parade Pegawai Kadet  
Pengambilan Ke-10, Sekolah Pegawai Kadet, ABDB,  
Perkhemahan Sungai Akar  
pada hari Khamis, 21 Rabiulawal 1435 Hijriah /  
2 Januari 2014 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmanir Rahim

**A**lhamdulillaahi Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa  
Asyarafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Aalihie  
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

SYUKUR ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan rahmat-Nya jua kita dapat hadir di Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Kesepuluh, Sekolah Pegawai Kadet, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada pagi ini.

Saya amat berbangga menyaksikan perbarisan tamat latihan yang sangat baik dengan persembahan tersusun rapi. Ianya jelas mempamerkan disiplin tinggi serta semangat keperwiraan.

Syabas kepada semua yang terlibat termasuk Pegawai-Pegawai Kadet dari pengambilan kesebelas yang baru memulakan latihan mereka.

Upacara Sovereign's Parade adalah merupakan satu tradisi bagi menandakan tamat latihan ketenteraan Pegawai-Pegawai Kadet. Ianya juga dihasratkan untuk meraikan pencapaian mereka sebagai pegawai tentera yang bertauliah.

Latihan yang ditempuhi selama 42 minggu tersebut sememangnya amat mencabar dan menguji ketahanan serta keupayaan mental dan fizikal. Justeru, saya sangat gembira melihat seramai 23 orang pegawai kadet pengambilan kesepuluh yang berdiri segak dan kemas pada perbarisan pagi ini telah berjaya melaluinya dengan membuktikan potensi masing-masing.

Mereka telah berjaya menunjukkan keupayaan, kecekalan dan kesungguhan dalam menempuhi berbagai cabaran dan dugaan yang ada kalanya melangkaui batas kemampuan masing-masing.

Namun demikian mereka sentiasa tabah dan tidak mahu mengalah walau dalam apa keadaan sekali pun.

Di sinilah juga pujian dan penghargaan perlu diberikan terhadap peranan semua ibu-bapa dan penjaga setiap pegawai kadet. Pengorbanan, sokongan dan dorongan mereka adalah sumber inspirasi yang paling berharga ke arah pencapaian kejayaan setiap Pegawai Kadet.

Namun latihan awal tersebut hanya merupakan satu titik permulaan. Setiap Pegawai Kadet perlu bersedia untuk mengharungi cabaran dan peluang memajukan diri yang lebih luas dalam kerjaya ketenteraan.

Ke arah itu, mereka hendaklah sentiasa mempersiapkan diri sepenuhnya kerana tugas mereka seterusnya memerlukan perubahan jati diri dalam kehidupan masing-masing.

Laksanakanlah tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh.

Buktikanlah kemampuan masing-masing secara profesional dalam setiap tindak-tanduk.

Sentiasalah berfikiran positif dan *forward looking* di samping mengamalkan semangat setia kawan, disiplin yang tinggi dan sentiasa patuh terhadap setiap arahan pihak atasan.

Barisan generasi tentera sebelum ini telah pun melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dalam memastikan kedaulatan Negara Brunei Darussalam sentiasa terpelihara dan dipertahankan.

Sekarang tiba pula giliran setiap Pegawai Kadet yang akan ditauliahkan selaku generasi pelapis dan penerus yang dipertanggungjawabkan untuk menanai tugas tersebut dengan penuh dedikasi, iltizam serta komitmen yang tinggi.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengingatkan akan pentingnya bagi setiap pegawai tentera yang baru berkhidmat dan pihak ABDB secara keseluruhannya untuk terlebih dahulu melaksanakan dua langkah utama berikut:

Pertama, setiap pegawai tentera yang baru perlu memahami persekitaran operasi atau *operating environment* ABDB untuk memastikan tahap dan ekspektasi kecekapan bagi menggalas tugas dan tanggungjawab masing-masing seterusnya.

Keperluan ini adalah pada mengambilkira bahawa cabaran keselamatan masa kini yang semakin meluas, kompleks dan mencabar, serta sentiasa berubah dan sukar dijangkakan.

Kedua, bagi menghadapi cabaran tersebut ABDB perlu sentiasa berada di hadapan dengan memperluas serta meningkatkan keupayaannya dari pelbagai sudut khususnya penekanan terhadap penguasaan teknologi baru dalam kelengkapan dan persenjataan.



Namun demikian keupayaan dan kemantapan ABDB adalah tertakluk kepada gandingan kecanggihan perkakasan ketenteraannya yang perlu diadun dengan kecekapan, kepakaran dan disiplin setiap anggotanya.

Inilah antara elemen-elemen teras yang perlu digarap oleh setiap lepasan Sekolah Pegawai Kadet ke arah membentuk pegawai-pegawai tentera yang berwibawa dan berhemah tinggi.

Bagaimanapun, dalam apa keadaan pun pihak ABDB tidak boleh sesekali terlepas pandang akan pentingnya menerapkan konsep negara iaitu Melayu Islam Beraja sebagai teras bagi mengekalkan kemantapan barisan kepimpinan serta peneraju ABDB.

Menyentuh mengenai isu kepimpinan, saya percaya setiap pegawai tentera baru akan bakal mengetuai anggota-anggota peringkat rendah dalam pelaksanaan tugas masing-masing.

Selaku pemimpin, setiap Pegawai Kadet yang ditauliahkan perlulah mempamerkan contoh terbaik selaras dengan reputasi tinggi institusi pertahanan.

Selain itu, mereka perlu berperanan memberikan inspirasi dan kefahaman kepada setiap anggota di bawah masing-masing tentang pentingnya sumbangan khidmat bakti masing-masing dalam mendokong matlamat utama memelihara serta mempertahankan kedaulatan tanahair yang sama-sama kita cintai ini.

Dalam hubungan ini, saya sukacita mengambil maklum bahawa buat kali pertamanya, setiap Pegawai Kadet Pengambilan Kesepuluh akan juga dianugerahkan dengan Diploma Kebangsaan dalam bidang *Military Leadership and Management* daripada Majlis Pengiktirafan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

lanya merupakan satu pengiktirafan yang bermakna kepada Sekolah Pegawai Kadet dan juga kepada ABDB.

Maka, saya berharap agar pihak yang berwajib akan terus memantau perkembangan anugerah ini di samping membuat pengemaskinian yang perlu dari semasa ke semasa.

Saya juga yakin dengan adanya strategi penilaian kursus atau *Course Assessment Strategy*, program latihan di Sekolah Pegawai Kadet akan sentiasa relevan dan lebih sensitif kepada menepati keperluan masa hadapan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Pada hemat saya penilaian tersebut juga harus memiliki wawasan dan mampu melihat jauh ke hadapan bagi mengimbangi keperluan negara dimasa mendatang sesuai dengan kemampuan Pegawai-Pegawai Kadet yang kini majoritinya terdiri dari graduan Universiti dan Institusi Pengajian Tinggi.

Setiap program latihan yang disediakan oleh Sekolah Pegawai Kadet perlulah dibentuk secara teliti dan telus.

Matlamatnya ialah bagi membekalkan pengetahuan dan kemahiran yang terkini untuk membentuk anggota tentera dan pemimpin yang berkaliber dan berdaya saing.

Natijahnya kewibawaan dan profesionalisme pegawai-pegawai tentera akan sentiasa tercabar dari pelbagai aspek.

Di sinilah juga perlunya setiap anggota untuk sentiasa menimba ilmu pengetahuan yang berterusan serta perolehan pengalaman yang bernilai.

Ini akan setentunya mempertingkatkan keupayaan masing-masing dalam membuat penilaian serta keputusan terhadap sebarang masalah dan ancaman yang bakal dihadapi.

Ke arah itu *adaptability* dan rasa kebertanggungjawaban harus ada pada diri setiap pegawai sebagai asas untuk menyesuaikan diri dalam keadaan tertentu. Ini kerana ABDB bukan lagi hanya sekadar menjadi pemerhati bahkan juga telah membuktikan keupayaan selaku pemimpin dan peneraju yang diyakini.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan tahniah kepada seluruh warga Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, khususnya Komandan Akademi Pertahanan, Pegawai Pemerintah Sekolah Pegawai Kadet, *Colour Sergeants* dan pegawai-pegawai serta semua jurulatih. Mereka telah bertungkus lumus melatih dan mendidik Pegawai-Pegawai Kadet sehingga sampai ke peringkat ini.

Akhirnya, dengan mendahulukan kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wassalam, saya sukacita mengurniakan tauliah sebagai pegawai Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kepada 23 orang Pegawai Kadet Pengambilan Kesepuluh.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu‘alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## Sabda

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota  
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah  
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,  
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri  
Sempena Majlis Istiadat Pemasyhuran Tokoh Adat Istiadat  
Sepanjang Zaman Bersempena Hari Adat Istiadat 2014,  
di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa  
pada hari Isnin, 29 Rabiulawal 1435 Hijriah / 31 Mac 2014 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmanir Rahim

**A**lhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa  
Asyarafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Aalihie  
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

MENGHADAP Kehadapan Majlis Paduka Ayahanda Kebawah  
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal  
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali  
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara  
Brunei Darussalam, dan Paduka Bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti  
Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

Syukur Kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-  
Nya jua kita dapat hadir di Majlis Istiadat Pemasyhuran Tokoh Adat  
Istiadat Sepanjang Zaman bersempena Hari Adat Istiadat 2014.

Terlebih dahulu, Paduka Anaknda merafak sembah setinggi-  
tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Paduka Ayahanda dan  
Paduka Bonda ke Majlis Istiadat Pemasyhuran pada pagi ini yang sudah  
setentunya adalah satu wahana ristaan kegemilangan sejarah bangsa dan  
negara.

Sesungguhnya kurnia perkenan Paduka Ayahanda bagi Hari Adat Istiadat sebagai salah satu sambutan di peringkat negara jelas mencerminkan pengiktirafan bahawa Adat Istiadat adalah tonggak perpaduan kehidupan bernegara dan identiti bangsa.

Pengiktirafan ini merupakan langkah bijaksana bagi memperkasakan jati diri bangsa Brunei dalam mengharungi liku-liku dan cabaran arus kehidupan global masa kini yang banyak memberikan impak kepada kekukuhan budaya serta pengamalan kehidupan beradat istiadat. Peranannya adalah selaras dengan usaha bagi memastikan tradisi kehidupan aman dan rukun damai bersandarkan konsep Melayu Islam Beraja.

Justeru kita selaku rakyat dan penduduk negara ini menjunjung kasih setinggi-tingginya kepimpinan bijaksana Paduka Nenda Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Almarhum Sultan Muhammad Jamalul Alam yang telah berjaya mempertahankan pengamalan tradisi adat istiadat Negara Brunei Darussalam, di samping membuat penyesuaian dan perubahan menurut kehendak syariat Islam dan kemajuan zaman.

Alhamdulillah, usaha yang dipelopori Paduka Nenda yang juga terkenal sebagai Arkitek Brunei Moden telah diteruskan Paduka Ayahanda sehingga ke hari ini. Komitmen dan keyakinan Paduka Ayahanda dalam perkara ini menjadi inspirasi kepada generasi pada masa kini. Malahan ianya merupakan satu simbol kepada perpaduan bangsa dan negara yang amat kita cintai ini.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, kedudukan adat istiadat adalah unik. Adat istiadat terbukti menjadi teras yang kukuh mendokong kehidupan dan sistem pemerintahan beraja. Sehingga ke hari ini ianya menjamin keamanan, keselamatan, kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan penduduknya yang Insya Allah akan terus kita nikmati di masa hadapan.

Sebagai sebuah negara yang wujud dan mendokong konsep Melayu Islam Beraja sejak lebih 600 tahun, pengukuhan serta pengamalan adat istiadat adalah mustahak pada memastikan kelangsungan dan kewujudan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja.

Pada mengambil sukut pencapaian ini maka adalah signifikan dan lebih bermakna lagi Sambutan Hari Adat Istiadat pada hari ini dengan pemasyhuran “Tokoh Adat Istiadat Sepanjang Zaman”.

Bertepatan dengan pemasyhuran tersebut, satu pameran khas dianjurkan bagi memberigakan serta kefahaman generasi muda mengenai keaslian adat istiadat Negara Brunei Darussalam dan peranannya dalam kelangsungan amalan kehidupan bernegara dan bermasyarakat. Hanya melalui kefahaman yang mendalam sahaja yang akan berupaya meningkatkan lagi penghayatan serta kesedaran tentang pentingnya mempertahankan warisan khazanah yang amat berharga.

Akhirnya Paduka Anaknda sekali lagi merafakkan sembah setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Paduka Ayahanda dan Paduka Bonda dan Ahli-ahli Kerabat Diraja serta kehadiran para hadirin sekalian di majlis ini.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu‘alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Sabda**  
**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota**  
**Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah**  
**ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda**  
**Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,**  
**Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri**  
**Sempena Majlis Pertandingan**  
**Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa**  
**Peringkat Akhir Kebangsaan 1435 / 2014 (Malam Pertama),**  
**di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa**  
**pada hari Selasa Malam Rabu, 9 Jamadilakhir 1435 Hijriah /**  
**8 April 2014 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmanir Rahim

**A**lhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyarafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Aalihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin serta limpah rahmat-Nya jua kita berpeluang sekali lagi untuk hadir di Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan tahun 1435 Hijriah.

Insya Allah, sepertimana jua di Majlis Pertandingan yang lalu kita berpeluang mendengar dan menghayati bacaan ayat-ayat suci dari qari dan qariah yang telah membuktikan keupayaan masing-masing dengan berjaya melayakkan diri ke peringkat ini.

Dalam hal ini saya gembira mengambil maklum bahawa perkembangan dan pencapaian para qari dan qariah telah juga menampakkan peningkatan dalam penguasaan ilmu serta kemahiran pembacaan yang mantap sesuai dengan usia pertandingan ini.

Al-Qur'an adalah kalam Allah yang diwariskan kepada umat Islam sebagai sumber utama ajaran agama Islam serta pedoman hidup yang syumul. Di dalamnya terkandung hidayah dan petunjuk untuk orang-orang yang bertaqwa dalam menjalani kehidupan semata-mata bagi memperoleh keselamatan, keberkatan dan kebahagiaan dunia dan akhirat.

Fungsinya sebagai kitab hidayah berulang kali difirmankan Allah Subhanahu Wata'ala. Antaranya, dalam Surah Al-Isra' ayat 9, mafhumnya:

*“Sesungguhnya Al-Qur'an ini memberi petunjuk ke jalan yang paling betul (yakni agama Islam), dan memberi khabar gembira kepada orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa bagi mereka ada pahala yang besar.”*

Justeru umat Islam adalah amat dituntut untuk mempelajari serta mendalami rahsia yang tersirat di dalamnya. Bagaimanapun bagi memahami Al-Qur'an yang agung itu kita perlu mengikut panduan Ahli Sunnah Waljama'ah iaitu secara bertalaqqi atau bersemuka dengan ulama. Pengajian ilmu agama dengan mengikut kaedah tersebut akan mengelakkan diri kita dari terpesong dalam memahami tafsirannya yang sebenar.

Ini adalah sangat penting kerana sudah terdapat ajaran-ajaran menyeleweng yang menyalahgunakan tafsiran Al-Qur'an. Malahan sekarang kita sudah banyak melihat kemunculan fahaman sesat dan aliran pemikiran kontemporari yang bertentangan dengan kefahaman kita. Semua ini adalah berpunca dari pemikiran dan pentafsiran yang tidak mengikut panduan ilmu yang sebenar.

Alhamdulillah, di negara ini membaca Al-Qur'an adalah budaya masyarakat Islam kita yang sewajarnya dipertahankan dan diwariskan secara turun temurun agar tetap menjadi syiar suci di bumi bertuah ini.



Ke arah itu kita amat menghargai penglibatan dan penyertaan para penuntut serta golongan belia khususnya dalam acara-acara keraian tertentu di peringkat negara seperti Majlis Khatam Al-Qur'an bersempena Hari Keputeraan Paduka Ayahanda. Ini adalah selaras dengan usaha kita untuk membangun sebuah "Negara Zikir".

Malahan pada hemat saya adalah tanggungjawab kita semua untuk melestarikan nilai-nilai Al-Qur'an dalam kehidupan seharian kita. Hasrat murni kita adalah bagi melahirkan masyarakat yang hormat dan cinta kepada Al-Qur'an, mengamalkan membaca serta menjadikannya sebagai pedoman hidup dan sumber keselamatan dunia dan akhirat.

Insya Allah dengan usaha sedemikian kita akan memastikan bumi Brunei Darussalam yang tercinta ini kekal sebagai sebuah negara yang penuh berkah seperti yang disebut dalam Al-Qur'an sebagai "Baladatan tayyibatun warabbun ghafuur". Di dalamnya Allah Subhanahu Wata'ala telah memberi jaminan untuk membukakan pintu rezeki yang melimpah di langit dan di bumi di samping beroleh kejayaan ukhrawi sebagai orang-orang yang selamat dan sejahtera.

Dalam hubungan ini saya berpendapat bahawa tema pertandingan iaitu "Al-Qur'an Sumber Keselamatan Dunia Akhirat" adalah juga bertepatan dengan hasrat dan usaha negara kita untuk melaksanakan Kanun Jenayah Syariah.

Ini kerana Kanun tersebut adalah bersumberkan Al-Qur'an dan As-Sunnah yang disyariatkan Allah Subhanahu Wata'ala. Sewajarnya kita menjadikannya sebagai utap dan landasan ke arah mengekalkan kesejahteraan kehidupan umat Islam. Malahan ianya juga relevan kepada seluruh umat dan makhluk di atas muka bumi ini. Inilah sebenarnya di antara kebesaran sifat Allah yang Maha Agung yang di luar batas kotak pemikiran manusia.

Oleh itu marilah kita bersama-sama bertekad untuk sentiasa berusaha meraih limpah rahmat-Nya ke seluruh alam. Mentaati undang-undang Allah dan mendasari budaya kehidupan berlandaskan Al-Qur'an dan As-Sunnah pastinya akan membawa keamanan, kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Akhirnya dengan berkat kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam, saya dengan sukacita merasmikan Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 1435 Hijriah.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## Sabda

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota  
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah  
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,  
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri  
Sempena Seminar Kefahaman Undang-Undang Jenayah Syariah  
Bagi Belia Tahun 1435 Hijriah / 2014 Masihi  
di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa  
pada hari Rabu, 16 Jamadilakhir 1435 Hijriah /  
16 April 2014 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmanir Rahim

**A**lhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa  
Asyarafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Aalihie  
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, kita amat bersyukur ke hadrat Allah  
Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua dapatlah kita hadir di  
Majlis Perasmian Seminar Kefahaman Undang-Undang Jenayah Syariah  
Bagi Belia Tahun 2014 pada pagi ini.

Perintah Kanun yang kita akan laksanakan dalam sedikit masa lagi  
adalah satu rahmat kurnia Allah Subhanahu Wata'ala. Ini kerana ianya  
bersumberkan kitab suci Al-Quran dan As-Sunnah dan penciptanya pula  
adalah Yang Maha Adil, Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui.

Perintah Kanun ini juga adalah penuh dengan keberkatan kerana  
ianya dapat menerapkan pendidikan jiwa dan pembentukan peribadi  
yang mulia ke arah pembinaan ummah yang beriman.

Selain itu ianya menghubungkan dunia dan akhirat; manusia dengan Allah Subhanahu Wata'ala; manusia dengan manusia; peraturan dan undang-undang dengan akhlak dan aqidah; serta dosa dan pahala.

Nilai-nilai pencegahan yang terdapat dalam Perintah kanun tersebut melindungi para belia dari terjebak kepada jenayah dan musibah. Ianya memberikan kekuatan dan bertentangan kukuh bagi menempuh apa jua bentuk cabaran kehidupan di mana sahaja belia berada.

Kanun Jenayah Syariah ini juga bersifat holistik yang menitik beratkan keadilan dan keseimbangan yang tidak ada tolok bandingnya.

Maka tanggapan bahawa ianya undang-undang yang zalim adalah tidak betul sama sekali kerana apa juga ketetapan dan keputusan yang diambil adalah menurut proses serta prosedur yang cukup teliti dan bersistematik, adil, baik dalam pendakwaan, pembelaan dan saksi mahkamah.

Dengan demikian para belia tidaklah perlu khuatir. Apa yang penting ialah para belia perlu meningkatkan kefahaman dan pengetahuan tentang pengertian serta maksud yang terkandung di dalam Perintah tersebut. Hanya dengan pemahaman yang betul sahaja akan membolehkan kita mengetahui keindahan serta kelengkapan undang-undang ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala ini.

Seperti yang sama-sama dimaklumi pelaksanaan Perintah tersebut akan dibuat secara berfasa yang setentunya memberikan ruang yang cukup ke arah pemberigaan maklumat-maklumat asasi bagi meningkatkan kefahaman dan pengetahuan rakyat dan penduduk di negara ini termasuk golongan belia yang merupakan kumpulan terbesar penduduk di negara ini.

Maka seminar yang disasarkan kepada golongan belia ini adalah satu langkah yang amat bermakna di dalam usaha melaksanakan perintah ini di Negara Brunei Darussalam. Ianya merupakan salah satu proses pendidikan atau penyebaran undang-undang berkenaan yang boleh menyumbang kepada keberkesanan dan kejayaan penguatkuasaannya nanti.

Perlembagaan Negara Brunei Darussalam telah menetapkan bahawa agama Islam sebagai agama rasmi negara.

Justeru pelaksanaan undang-undang jenayah syariah mencerminkan keyakinan dan kesungguhan kerajaan Paduka Ayahanda dalam memartabatkan dan mengagungkan kemuliaan ajaran-ajaran Agama Islam serta hukum Allah.

Ianya secara langsung menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Islam yang bukan sahaja bersandarkan kepada nama semata-mata malah diukur dari sudut tindakan dan perbuatannya yang berlandaskan kepada hukum yang bersumberkan Al-Qur'an dan As-Sunnah.

Malahan selaku generasi penyambung kepimpinan negara, para belia perlu memahami dan menghayati nilai dan objektif kepimpinan negara.

Sesungguhnya keterlibatan para belia dalam mengembangkan dan menyebarkan agama Islam sudah wujud sejak zaman Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam lagi di mana ramai para sahabat baginda adalah terdiri dari golongan belia yang berperanan kuat dalam membantu perjuangan Baginda.

Begitulah juga harapan kita agar belia-belia di negara ini akan mempertahankan dengan penuh keyakinan dan kebijaksanaan dalam memberikan hujah serta penjelasan tentang kehebatan perundangan ini nanti.

Ini adalah selaras dengan titah Paduka Ayahanda pada Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Yang Ke-30 yang menekankan supaya para belia "perlu mempunyai pendirian kuat, selaras dengan dasar-dasar negara. Mereka tidak boleh sama sekali dipengaruhi oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab yang ingin melihat dalaman kita kucar-kacir atau bertelagah sesama sendiri, serta tidak menghormati ketua dan kerajaan."

Natijahnya zaman belia adalah penting sebagai teras kepada pembentukan belia yang baik dan berjaya kerana asas inilah akan mencerminkan masa hadapan negara.

Akhirnya, saya mengulangi seruan supaya para belia benar-benar dapat memahami intipati perundangan berkenaan disamping memotivasi mereka untuk hidup dengan penuh iman dan taqwa bagi mendapatkan keberkatan dan keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Maka, dengan mendahulukan kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, saya sukacita merasmikan Seminar Kefahaman Undang-Undang Jenayah Syariah Bagi Belia, Tahun 2014.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## Sabda

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota  
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah  
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,  
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri  
Sempena Majlis Pelancaran Kempen Kebangsaan Membanteras  
Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit 2014  
di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan  
pada hari Selasa, 13 Zulkaedah 1435 Hijriah /  
9 September 2014 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmanir Rahim

**A**lhamdulillaahi Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa  
Asyarafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Aalihie  
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

SYUKUR ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan rahmat-Nya kita dapat hadir di Majlis Pelancaran Kempen Kebangsaan Membanteras Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit 2014 pada pagi ini.

Nikmat kesihatan adalah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala yang tidak ternilai yang sewajarnya disyukuri dan dihargai. Kesihatan yang terjamin membolehkan setiap individu untuk menjalankan aktiviti harian masing-masing di samping menunaikan kewajiban ibadah serta aktiviti berkebjajikan dengan lebih sempurna, produktif dan keselesaan.

Alhamdulillah, kita di negara ini sangat beruntung kerana Kerajaan Paduka Ayahanda amat prihatin dalam memberikan perhatian yang berterusan terhadap segenap aspek pembangunannya yang juga membabitkan sektor kesihatan.

Melalui kesinambungan perkembangan sektor perkhidmatan penjagaan kesihatan yang holistik, negara telah menikmati tahap status kesihatan yang tinggi setanding dengan negara maju.

Bagaimanapun pada hemat saya setiap individu perlu memainkan peranan dan bertanggungjawab untuk memelihara serta menjaga dengan sebaiknya tahap kesihatan masing-masing. Mentaliti bergantung atau menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab ini kepada pihak kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan perlulah diperbetulkan.

Hasil kajian setempat membuktikan bahawa faktor risiko gaya hidup individu yang kurang serasi adalah antara penyebab utama penyakit tidak berjangkit seperti kanser, jantung koronari, kardio-vaskular, diabetis dan pernafasan kronik. Ianya meliputi tabiat pemakanan yang tidak sihat dan seimbang, kurang mengamalkan aktiviti fizikal secara konsisten serta penggunaan tembakau dan pengambilan alkohol yang membinasakan.

Tren ini juga mendatangkan impak negatif kepada kos rawatan dan bebannya kepada kerajaan melalui peningkatan jumlah penghidap penyakit dari semasa ke semasa. Selain itu ianya turut menjejaskan kemampuan tenaga kerja serta tahap produktiviti yang berkepentingan kepada inisiatif untuk menjana pertumbuhan sosioekonomi mapan seperti yang dihasratkan.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia melaporkan bahawa penyakit tidak berjangkit adalah merupakan punca kematian utama yang telah mengakibatkan 36 juta kematian iaitu 63 peratus daripada anggaran 57 juta jumlah kematian global pada tahun 2008. Manakala sesuku daripada kematian global berkaitan penyakit tidak berjangkit adalah kematian pra-matang yang berlaku sebelum mencapai usia 60 tahun.

Beban penyakit tidak berjangkit ini dijangka akan meningkat sebanyak 17 peratus lagi dalam tempoh sepuluh tahun mendatang jika tindakan pembanterasan termasuk langkah-langkah pencegahan dan pengawalan secara komprehensif diabaikan.



Dalam konteks negara kita situasi dan cabaran berkaitan cara hidup yang kurang sihat telah mendatangkan masalah kesihatan yang semakin membimbangkan. Penyakit tidak berjangkit seperti kanser, penyakit jantung, diabetes, serebro-vaskular dan tekanan darah tinggi telah menjadi punca utama kematian sejak 10 tahun kebelakangan.

Kementerian Kesihatan dalam laporannya bagi tahun 2012 mencatatkan kelima-lima jenis penyakit tersebut menyumbang kepada 670 kematian pra-matang atau 55 peratus daripada 1,216 jumlah kematian keseluruhannya.

Bersempena Awal Tahun Baru Masihi 2012, Paduka Ayahanda antara lain menitahkan keperihatinan terhadap senario yang membimbangkan ini, termasuk dapatan kajian mengenai peningkatan kadar obesiti. Hasil kajian ini memberikan petanda negatif terhadap amalan dan cara hidup yang tidak seimbang. Oleh itu semua pihak hendaklah bersama-sama membina azam untuk lebih berdisiplin dalam menjaga kesihatan khususnya dalam perkara memilih pemakanan sihat, menghindar rokok dan rajin beriadah.

Dalam pada itu kerajaan melalui Kementerian Kesihatan akan secara berterusan mengambil pelbagai strategi pragmatik bagi mempromosi serta meningkatkan kesedaran cara hidup sihat. Ini termasuk langkah-langkah pencegahan khususnya bagi mengawal penyakit tidak berjangkit dari terus berleluasa di kalangan masyarakat.

Di peringkat serantau pula kesungguhan dan komitmen tinggi bagi menangani isu ini di kalangan negara ASEAN adalah sangat jelas. Ini terbukti dengan terhasilnya pengisytiharan Deklarasi Bandar Seri Begawan mengenai Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit di ASEAN telah ditandatangani pada 9 Oktober 2013 semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-23.

Deklarasi tersebut antara lain menyarankan tindakan-tindakan segera dipertingkatkan bagi mengurangkan faktor-faktor risiko terhadap penyakit tidak berjangkit dengan mengambil kira intervensi yang kos efektif sepertimana yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Sehubungan dengannya, saya amat mengalu-alukan inisiatif Kementerian Kesihatan yang telah menyediakan *Brunei Darussalam National Multi-Sectoral Action Plan for the Prevention and Control of Non-Communicable Diseases, 2013 to 2018*. Usaha berterusan ini akan memperkasakan lagi langkah dan strategi pencegahan yang bersepadu pelbagai agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat keseluruhannya.

Kempen Kebangsaan Membanteras Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit ini merupakan kesinambungan ke arah mempertingkat dan memperkasakan lagi kesedaran, komitmen dan penglibatan semua peringkat masyarakat bagi bersama-sama memastikan keberkesanan langkah-langkah pengawalan, pencegahan serta menghindarinya dari berleluasa.

Justeru itu semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini adalah disyorkan untuk memanfaatkan khidmat pengesanan awal penyakit-penyakit tersebut yang ditawarkan oleh agensi penjagaan kesihatan awam dan swasta. Ini termasuklah peluang mendapatkan rawatan dan nasihat jika terdapat tanda-tanda atau simptom awal berkaitannya di samping sentiasa mengikut nasihat dan patuh kepada arahan-arahan profesional kesihatan.

Dalam masa yang sama Kementerian Kesihatan dan agensi yang berkenaan hendaklah secara berterusan memantau dan mengkaji tahap keberkesanan inisiatif kebangsaan ini bersandarkan indikator yang ditetapkan. Program, aktiviti atau pelan tindakan dalam menangani sebarang penyakit tidak berjangkit di negara ini hendaklah *direview* secara berterusan dari semasa ke semasa secara holistik.

Keberhasilan kempen kebangsaan ini bukan saja akan mengurangkan bebanan akibat penyakit tidak berjangkit kepada setiap individu, keluarga dan masyarakat, malahan kesan limpahan jangka panjangnya ke arah mendorong peningkatan produktiviti tenaga kerja bagi mendukung kesinambungan agenda pembangunan negara khususnya Wawasan 2035.

Akhirnya dengan berkat kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, saya sukacita merasmikan Kempen Kebangsaan Membanteras Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit 2014.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Sabda**

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda  
Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah  
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah  
Mu'izzaddin Waddaulah,  
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri  
Sempena Majlis Haflut Takharruj  
Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah Kali Kedua  
di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa  
pada hari Rabu, 20 Muharram 1436 Hijriah /  
13 November 2014 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmanir Rahim

**A**lhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa  
Asyarafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Aalihie  
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas  
izin serta limpah rahmat-Nya jua, kita berpeluang untuk hadir di Majlis  
Haflut Takharruj bagi penganugerahan sijil Diploma 'Aliyah Qiraat sesi  
pengajian tahun 2011-2014.

Majlis yang penuh keberkatan ini adalah merupakan keberhasilan  
usaha berterusan kerajaan Paduka Ayahanda dalam memartabatkan  
pendidikan Al-Quran di negara ini.

Ianya adalah juga semata-mata berasaskan keyakinan yang  
mendalam bahawa pendidikan Al-Quran berupaya untuk membina  
masyarakat yang bertaqwa, bersikap adil dengan berasaskan kasih  
sayang, mengeratkan persaudaraan, bertolak ansur, bertanggungjawab  
dan bertindak mengikut garis panduan serta ajaran-ajaran suci Al-Quran.

Namun matlamat utamanya ialah untuk mendidik manusia supaya sentiasa mengabdikan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Alhamdulillah, keutamaan serta kepentingan pendidikan Al-Quran di negara ini jelas tergambar sepertimana juga pengamatan Paduka Ayahanda semasa bertitah di majlis Haflut Takharruj yang pertama tahun lepas bahawasanya kecenderungan para ibu bapa dan masyarakat dalam perkara memberikan pendidikan Al-Quran kepada anak-anak adalah sangat menggalakkan.

Demikianlah juga hasil yang dapat kita lihat pada hari ini di mana para siswa dan siswi telah berjaya mencipta sejarah mereka tersendiri dengan penganugerahan sijil Diploma 'Aliyah Qiraat masing-masing.

Semoga apa yang diperolehi akan menyemarakkan lagi semangat para graduan untuk terus gigih dalam menimba ilmu, memanfaatkannya serta dapat menyumbang kepada ugama, masyarakat dan negara.

Di sinilah juga letaknya kesungguhan dan komitmen tinggi yang diperlukan bagi merealisasikan apa jua yang dicita-citakan.

Apatah lagi bagi para penimba ilmu yang menghafal Al-Quran, yang mana ianya bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilakukan tanpa adanya disiplin, keperibadian yang tinggi, serta pendirian yang teguh dalam menghadapi cabaran kehidupan dunia yang dibawa oleh arus globalisasi masa kini.

Kita seharusnya bersyukur dengan nikmat serta izin yang telah dianugerahkan Allah Subhanahu Wata'ala iaitu dengan adanya pengajian Al-Quran dan Qiraat di peringkat diploma di Institut Tahfiz.

Melalui institusi seumpama inilah nanti kita berupaya meraih keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala serta menghasilkan suasana barakah di kalangan setiap lapisan rakyat di Negara Brunei Darussalam ini.

Natijahnya barakah atau berkat hanya akan datang apabila rakyat ataupun masyarakatnya beriman dan bertaqwa sebagaimana Rasul junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah dakwahkan kepada kita.

Oleh itu saya menyeru kepada para graduan yang diraikan pada hari ini secara khususnya agar sentiasa berusaha menjaga dan mengagungkan Al-Quran dalam diri mereka sendiri kerana manfaatnya akan terpancar dalam seluruh aspek kehidupan dan juga orang sekeliling mereka.

Kepentingan tidak dapat dipertikaikan lagi kerana mereka inilah yang sedang dan akan menjadi *role model* bagi umat Islam di negara ini.

Apatah lagi penekanan kita terhadap Al-Quran ini seperti membacanya, menghafalnya, mahupun belajar mengenainya merupakan salah satu penyumbang besar ke arah merealisasikan hasrat murni untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada setiap graduan yang akan menerima diploma masing-masing.

Pujian dan penghargaan juga perlu diberikan terhadap peranan semua ibubapa dan penjaga setiap graduan.

Pada mengakhirinya saya ingin menyeru para graduan serta siswa dan siswi di Institusi ini khususnya, serta rakyat Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam umumnya agar sering muhasabah diri ataupun *self-reflection* ke atas niat masing-masing agar perjalanan kita di dunia ini akan tetap lurus dan dilimpahi rahmat Allah yang tidak putus-putus.

Ini kerana kita yakin bahawa kejayaan yang kita harapkan bukan hanya setakat di dunia semata-mata yang penting sekali juga kejayaan di akhirat.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu‘alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.